

Banjir kilat hujan dua jam

>>Oleh Asmah Rusman,
Siti Nor Hidayatidayu Razali
dan Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hujan lebat lebih dua jam bermula jam 1.30 tengah hari menyebabkan lebih 20 kawasan di sekitar ibu kota dinaiki air sedalam 0.5 hingga, satu meter, semalam.

Kawasan yang terjejas teruk adalah Kampung Setia Jaya, Setapak apabila 20 rumah ditenggelami banjir lumpur hingga memaksa penduduk dipindahkan ke Dewan Umno kampung berkenaan.

Kawasan lain yang turut terjejas termasuk pekan Salak Selatan, Bandar Sri Permaisuri, Ampang, Kepong, Bandar Tun Razak, Pantai Dalam, Sungai Besi dan Jalan Tun Razak.

Jurucakap Skwad Penyelamat Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, pihak turut menerima laporan dua kejadian pokok tumbang di Bulatan Sungai Besi yang menghempap empat kenderaan.

Bagaimanapun tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Anggota bomba dihantar ke tempat kejadian untuk memotong pokok tumbang berkenaan.

Katanya, satu lagi pokok tumbang dilaporkan di Flat Seri Johor di Jalan Tun Razak, tetapi ia tidak membabitkan harta benda.

“Terowong Smart turut ditutup kepada kenderaan bermula jam 4 petang selepas hujan berterusan dan menyebabkan kawasan sekitarnya berbahaya dilalui kenderaan ringan. Selepas hujan berhenti, keadaan banjir mulai surut,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, beberapa kenderaan turut ditenggelami air ketika melalui kawasan Jalan Kuching menghala ke Jalan Duta dan beberapa jalan turut ditutup.

Sementara itu, MyRapidKL melalui hebahan twitter memaklumkan perkhidmatan tren Transit Aliran Ringan (LRT) dari Sentul Timur ke Sri Petaling tergendala selama lebih sejam bermula



TENGGELOM...peniaga buntu kedainya di Pekan Salak Selatan dinaiki air paras lutut.



BERSIH...peniaga di Kajang membersihkan kedai mereka dilanda bah.



DERAS...keadaan banjir di pekan Kajang.

jam 5 petang berikutan laluan landasan berhampiran stesen Salak Selatan dinaiki air.

Masalah itu menyebabkan tren dari Sentul ke Sri Petaling terpaksa berhenti di stesen Chan Sow Lin dan penumpang dipindahkan ke stesen menuju Sri Petaling menggunakan bas khas yang

disediakan.

Di Kajang, paras air yang naik di sekitar pekan Kajang bermula jam 2 petang menyebabkan operasi syarikat perniagaan di situ lumpuh selama tiga jam.


Peniaga terpaksa menutup kedai mereka dan menjalankan kerja-kerja pembersihan selepas premis perniagaan

dinaiki air setinggi 0.5 meter.

Akibat banjir itu juga, kesesakan lalu lintas berlaku kerana pengguna mahu mengalihkan kereta mereka ke tempat yang lebih tinggi bagi mengelakkan ditenggelami air.

Pekerja kedai barangan dapur, Norizah Khairunnisa Is-

Kawasan dilanda banjir di ibu kota



- 1 2.00 petang: Lembah Pantai
- 2 2.05 petang: Bandar Seri Permaisuri
- 3 2.10 petang: Jalan Yaacob Latif
- 4 2.45 petang: Terowong Bandar Tun Razak
- 5 2.50 petang: Stadium Cheras (pokok tumbang)
- 6 3.00 petang: Risa Ampang
- 7 3.15 petang: Hadapan Balai Polis Salak Selatan
- 8 3.30 petang: Taman Sri Rampai
- 9 3.45 petang: Petaling Garden, Kepong
- 10 4.00 petang: Jalan Loke Yeow, Bandar Tun Razak dan Terowong Smart ditutup
- 11 4.05 petang: Bangunan Tabung Haji, Jalan Tun Razak (jalan dari kedua-dua arah ditutup)
- 12 4.25 petang: Kampung Pauh, Sentul
- 13 4.30 petang: Jalan Rahmat, PWTC
- 14 4.35 petang: Batu 4, Jalan Ipoh
- 15 4.40 petang: Jalan Sentul Manis
- 16 4.42 petang: Jejambatan hadapan PWTC
- 17 4.45 petang: Kampung Setia Jaya, Setapak (20 rumah dipindahkan)

kandar, 20, berkata, hujan lebat berterusan selama lebih satu jam menyebabkan paras air naik terlalu cepat hingga memasuki kawasan kedai.

Katanya, dia dan rakan sekerja hanya mampu melihat air naik sebelum bergegas mengalihkan barangan berharga ke tempat yang lebih tinggi kerana bimbang banjir besar akan berulang.

“Dalam keadaan kelim-kabut dan hujan lebat berterusan kami bergotong-royong mengalihkan barangan jualan selain cuba menolak air keluar dari kedai.

“Tidak sampai setengah jam air di dalam kedai separas lutut dan barangan yang berada di bawah rosak,” katanya.

Pengurus Restoran Pizza Hut cawangan Kajang, Mohd Izwan Andi berkata, dia tidak menyangka banjir kilat akan berulang seperti sebelumnya.

Katanya, dia melihat jalan di kawasan pekan Kajang sesak teruk dan ada di antara kereta ditenggelami air.

“Walaupun tidak seteruk seperti banjir pada Disember,

namun ia membimbangkan kerana hujan hanya sejam tetapi air naik lebih cepat,” katanya.

Di antara jalan yang dinaiki air termasuk Jalan Besar, Jalan Tun Abdul Aziz, Jalan Raja Haroun, Jalan Cempaka Kuning, Jalan Dato Nazir, Plaza Metro Kajang, Jalan Sulaiman, Jalan Mahkamah dan Jalan Bukit.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima lebih 15 panggilan mengenai kejadian banjir di sekitar Selangor.

Katanya, bomba menggerakkan empat jentera dari Balai Bomba Bangi, Ampang, Kajang dan Selayang membabitkan 22 pegawai dan anggota ke lokasi kejadian.

“Antara kawasan yang dinaiki air berhampiran Hotel Equatorial, Bangi; Kampung Tasik Permai, Ampang; Kampung Fajar, Hulu Klang, pekan Kajang; Sungai Jelok, Kajang dan Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) susur Selayang,” katanya.